

**Pendokumentasian Pengalaman Leftenan Kolonel (B) Haji
Rosslee Bin Haji Derohim Mengenai Pengalaman Beliau Dalam
Menangani Penganas Komunis Di Malaysia**

Mohd Nazir Ahmad
Nornadia Ghazali
Noor Shaza Fazira Mohamad
Ahmad Zam Hariro Samsudin

**Fakulti Pengurusan Maklumat,
UiTM Kampus Puncak Perdana**

Jalan Pulau Indah AU10/A, Puncak Perdana, 40150 Shah Alam, Selangor

Abstrak

Artikel ini adalah berdasarkan kepada sumber utama iaitu dokumentasi lisan. Ianya melibatkan seorang tentera berpangkat Leftenan Kolonel iaitu Haji Rosslee Bin Haji Derohim. Artikel ini membicarakan tentang pengalaman beliau dalam menentang penganas komunis di Malaysia. Antara operasi-operasi yang berkaitan yang telah beliau sertai ialah Ops Asli, Ops Idaman dan Ops Pasung. Artikel ini mendedahkan tentang kegiatan pihak komunis dan juga strategi yang dilakukan dalam Ops Asli. Juga menyentuh tentang cabaran yang terpaksa dilalui sepanjang operasi ini dijalankan. Seterusnya, artikel ini membicarakan tentang matlamat dan tanggungjawab Haji Rosslee dalam memimpin anggota tentera ketika Ops Idaman dijalankan. Artikel ini juga membicarakan aktiviti orang Iban dan kegiatan pihak komunis di Sarawak. Selain itu, artikel ini menyentuh tentang tujuan utama Ops Pasung dijalankan dan cabaran yang terpaksa dilalui dalam operasi ini.

Kata Kunci: Tentera, Operasi, Penganas, Komunis, Haji Rosslee Haji Derohim, Ops Asli, Ops Idaman dan Ops Pasung.

Pengenalan

Parti Komunis Malaya (PKM) atau Malayan Communist Party ialah sebuah pertubuhan yang diasaskan di Tanah Melayu. PKM ditubuhkan pada 20 April 1930. Tujuan penubuhan PKM adalah untuk menubuhkan sebuah negara republik komunis. Pertubuhan ini menentang penjajahan British yang ketika itu sedang memerintah Tanah Melayu.

Antara kegiatan yang dilakukan oleh PKM ialah mempengaruhi pekerja limbungan kapal dan pekerja kereta api untuk melakukan sabotaj serta mempengaruhi penduduk di Tanah Melayu untuk melakukan tunjuk perasaan kepada pihak British yang telah mengenakan kenaikan cukai yang tinggi. Bagi melumpuhkan ekonomi British di Tanah Melayu, PKM juga telah melancarkan mogok dan mempengaruhi penduduk Tanah Melayu untuk melakukan sabotaj ke atas tentera British. Di samping itu, PKM telah melakukan serangan ke atas ladang dan lombong yang dimiliki oleh syarikat Eropah.

Semasa kedatangan Jepun ke Tanah Melayu, Parti Komunis Malaya dan pihak British telah bekerjasama menubuhkan Malayan People's Anti-Japanese Army (MPAJA) untuk mengalahkan tentera Jepun. Namun setelah kekalahan Jepun berlaku, Parti Komunis Malaya ingin menguasai Tanah Melayu dan telah membentuk Bintang Tiga. Bintang Tiga telah melakukan banyak keganasan dan kekejaman terhadap penduduk di Tanah Melayu. Setelah British bangkit dengan kekuatan tentera yang lebih tinggi, Bintang Tiga dan MPAJA akhirnya dibubarkan. Parti Komunis Malaya pula telah diharamkan pada 23 Julai 1948.

Semasa kedatangan penganas komunis ini, pelbagai operasi telah dijalankan bagi menyekat kedatangan mereka dan membantu menjaga keselamatan orang awam. Pihak Angkatan Tentera Darat Malaysia juga telah menyusun pelbagai strategi dan langkah bagi menjaga keamanan negara. Artikel ini menyentuh secara terperinci tentang operasi-operasi yang telah Haji Rosslee Bin Haji Derohim sertai di semenanjung Malaysia serta Sabah dan Sarawak. Antara operasi yang melibatkan beliau ialah Ops Asli, Ops Idaman dan Ops Pasung.

Pengalaman Menentang Komunis di Malaysia

Sepanjang melibatkan diri dalam dunia ketenteraan selama hampir 35 tahun, Haji Rosslee telah berkongsi banyak pengalaman tentang cara menangani penganas komunis di Malaysia hasil daripada operasi-operasi yang beliau sertai. Antaranya ialah Ops Asli di Cameron Highland, Pahang, Ops Idaman di Sibul, Sarawak dan Ops Pasung di negeri Sabah.

OPS Asli

Ops Asli telah wujud bermula tahun 70-an dan berakhir selepas perletakan senjata oleh komunis pada tahun 1989. Namun, Haji Rosslee mula terlibat dengan Ops Asli ini pada tahun 1984 di negeri Pahang. Sememangnya, matlamat utama operasi ini adalah untuk mengekang pergerakan-pergerakan komunis daripada mendekati orang awam terutama orang asli di kawasan pedalaman negeri Pahang. Dua unit operasi anggota tentera daripada Rejimen 22 Komando telah diletakkan di Kem Slim, Cameron Highland. Dua unit operasi ini termasuklah Angkatan Tentera Orang Asli (ATOA) dan Pasukan Gerak Khas yang ditugaskan untuk menjaga pos-pos di tempat pedalaman yang mana terdapat orang asli di Cameron Highland tersebut. Antaranya ialah Pos Broke, Pos Telanuk dan Pos Terisu.

Di samping itu ketika Ops Asli berlaku, beliau juga ditugaskan untuk memimpin anggota tentera di kawasan hutan Cameron Highland. Oleh itu, mereka telah bersama-sama menjejaki pengganas komunis supaya komunis tidak mendekati orang awam dan orang asli di kawasan tersebut. Antara cabaran yang terpaksa dilalui oleh mereka ialah mereka terpaksa beroperasi dalam keadaan tanah yang berbukit bukau dan cuaca yang amat sejuk di Cameron Highland ketika itu. Pihak tentera juga terpaksa menyembunyikan diri daripada terserempak dengan orang awam kerana kebanyakan mereka adalah penyokong komunis terutamanya yang berbangsa Cina. Pihak tentera juga bersembunyi di dalam hutan dan jauh dari kawasan-kawasan penempatan orang asli bagi mengelakkan kebocoran rahsia yang boleh menggagalkan sesuatu operasi.

Antara keganasan yang telah pengganas komunis lakukan terhadap penduduk di Cameron Highland adalah serangan hendap, meletupkan janakuasa dan pusat-pusat bantuan, mengugut dan merampas hasil-hasil orang kampung serta meminta makanan melalui kekerasan daripada orang kampung. Walaubagaimanapun, kelemahan komunis telah dapat dikenalpasti sebelum serangan hendap dilakukan. Haji Rosslee menjelaskan bahawa memandangkan pengganas komunis mempunyai kepakaran dan disiplin hutan yang tinggi, maka anggota tentera terpaksa berlatih mengikut atau melebihi kemampuan mereka dengan mengetahui setiap pergerakan mereka. Tentera tidak boleh membuat perkara yang sama dengan musuh. Contohnya,

apabila musuh makan, tentera kena bergerak untuk memastikan musuh gagal daripada terus melakukan serangan ke atas negara. Dalam erti kata lain, tentera haruslah mengawal setiap pergerakan musuh.

Antara strategi yang digunakan dalam Ops Asli ialah mewujudkan pos-pos kawalan di penempatan orang asli. Pihak tentera perlu memastikan pihak komunis tidak masuk ke kawasan pedalaman dan mempergunakan orang kampung serta orang asli untuk menyertai ideologi-ideologi mereka. Untuk sampai ke pos-pos kawalan ini, anggota tentera menggunakan jalan darat atau melalui udara yang dihantar masuk dengan menggunakan helikopter. Seterusnya, pihak tentera bergerak dari pos-pos kawalan menuju ke kawasan sekitar untuk mengenalpasti kehadiran pasukan pengganas komunis. Pada masa yang sama, pihak tentera juga memberitahu orang awam supaya tidak berhubung dengan pengganas komunis. Sepanjang Ops Asli dijalankan, tiada sebarang aktiviti pertempuran berlaku. Sebaliknya, pihak tentera hanya menjaga orang awam daripada mendekati pengganas komunis. Semasa mengetuai operasi tersebut, Haji Rosslee menggunakan senjata ringan seperti M-16 dan M-203 dan senjata-senjata ini amat berkesan untuk menangani pengganas komunis.

Ketika Ops Asli berlaku, orang awam mendapat perintah berkurung dan mereka diarahkan supaya tidak keluar pada waktu malam kerana aktiviti-aktiviti ketenteraan sedang dijalankan di dalam hutan tersebut. Kebanyakan orang awam menyokong kerajaan Malaysia dan hanya segelintir yang memberi sokongan kepada komunis. Pihak komunis di Malaysia pada masa itu tidak menyerah diri, tetapi mereka meletakkan senjata sebagai tanda mengaku kalah. Walaubagaimanapun, mereka tetap tidak boleh masuk ke kawasan Malaysia. Pada masa itu, ideologi pihak komunis masih wujud tetapi mereka tidak lagi menjalankan operasi di dalam kawasan hutan. Sepanjang kedatangan pengganas komunis di Cameron Highlands, orang awam tidak menjalani sebarang aktiviti harian mereka seperti menoreh getah dan mengutip hasil-hasil hutan. Namun, selepas perletakan senjata oleh komunis pada tahun 1989, rakyat bebas untuk melakukan sebarang aktiviti mereka di Malaysia. Contohnya, mereka bebas untuk melakukan pelbagai aktiviti seperti memungut hasil-hasil hutan dan melakukan aktiviti di bandar dan sempadan negara.

Untuk menyekat serangan pegganas komunis daripada berulang kembali, pihak kerajaan telah menggunakan Akta ISA (Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960). Akta ISA adalah salah satu akta yang berkuatkuasa di Malaysia. Di samping itu, Malaysia juga tidak akan pernah mengiktiraf Parti Komunis Malaya. Contohnya, mayat pemimpin-pemimpin komunis yang berasal dari negara Malaysia dan meninggal di luar negara tidak dibenarkan dibawa pulang ke negara Malaysia. Keadaan ini membuktikan kerajaan Malaysia telah melakukan strategi untuk mengelakkan negara kita daripada terus dicerobohi. Semua kegiatan yang berkenaan dengan parti komunis adalah tidak dibenarkan berleluasa di Malaysia.

OPS Idaman

Selain itu, Haji Rosslee juga pernah menyertai operasi menangani pegganas Parti Rakyat Kalimantan Utara (PARAKU) pada tahun 1985 yang dikenali sebagai Ops Idaman. Operasi ini telah dijalankan di Sibu, Sarawak dan telah mengambil masa selama lima bulan. PARAKU adalah salah satu cabang parti komunis yang bergiat untuk mendapatkan dan memerintah negeri Sabah. Matlamat utama Ops Idaman adalah untuk menghindarkan pasukan kumpulan pegganas ini daripada mendekati masyarakat awam di negeri Sabah. Parti ini tidak diiktiraf oleh kerajaan negeri Sabah dan kerajaan Malaysia. Seramai enam puluh orang dari Pasukan Gerak Khas telah terlibat dalam operasi menangani pegganas ini. Semasa operasi tersebut berlaku, Haji Rosslee ditugaskan untuk memimpin kumpulan anggota tentera dalam menjejaki kumpulan pegganas di dalam hutan.

Pihak tentera terpaksa menghadapi beberapa cabaran ketika Ops Idaman dijalankan. Pada ketika itu, keadaan kawasan hutan semasa Ops Idaman di Sarawak dijalankan adalah berbukit dan tiada banjaran, maka pergerakan anggota tentera di dalam hutan tersebut amat susah. Mereka juga sukar untuk mengenalpasti sama ada orang awam terlibat ataupun tidak dengan keganasan pada masa itu. Kebanyakannya, orang Iban di Sarawak suka melakukan aktiviti-aktiviti mereka di dalam hutan seperti mencari hasil-hasil hutan. Pergerakan orang awam dikawal oleh anggota tentera dan mereka tidak boleh bergerak bebas masuk ke dalam hutan. Orang awam juga boleh tercedera apabila mereka masuk ke dalam kawasan hutan yang ada jerangkap samar.

Antara bentuk keganasan yang telah dilakukan oleh pengganas ialah mereka merampas hasil-hasil hutan yang dibawa oleh masyarakat. Oleh itu, pihak tentera telah merangka beberapa strategi untuk menangani pengganas komunis. Antaranya ialah beberapa kumpulan telah dibahagikan dan mereka telah diarahkan bergerak mengikut kumpulan masing-masing. Namun, mereka akan berjumpa semula selepas beberapa hari. Strategi ini adalah salah satu usaha untuk menjejaki pengganas komunis. Mereka telah melalui suatu kawasan dalam jarak seribu meter dan selepas beberapa bulan, operasi menjejaki pengganas dapat diselesaikan. Pada ketika itu, aktiviti-aktiviti ketenteraan sangat menarik dengan pergerakan anggota tentera melalui darat dan udara untuk masuk ke kawasan-kawasan hutan. Mereka ditugaskan untuk menjaga pos-pos kawalan.

Tambahan lagi, kebanyakan anggota tentera yang cedera adalah kerana terkena jerangkap samar yang telah menyebabkan kaki mereka terputus iaitu dari pergelangan betis hingga ke bawah. Namun, tiada seorang pun yang dilaporkan terkorban. Sementara itu, kawalan keselamatan negara masih dipertingkatkan walaupun selepas perletakan senjata oleh pihak komunis pada tahun 1989. Jadi, pada masa tersebut aktiviti-aktiviti ketenteraan lebih kepada menjaga sempadan kerana negara masih bersempadan dengan negara China, Filipina, Indonesia, Vietnam dan Siam.

OPS Pasung

Seterusnya, Haji Rosslee juga pernah menyertai Ops Pasung di Sabah. Beliau bersama anggota tentera yang lain ditugaskan untuk menjaga sebuah pulau buatan manusia iaitu Kepulauan Spratly di samping menjaga kedaulatan rakyat di negeri Sabah. Tujuan utama Ops Pasung adalah untuk menuntut kepentingan hasil minyak di dalam negara. Matlamat utama operasi Pasung adalah untuk mencari atau memusnahkan saki baki jerangkap samar yang diletakkan oleh komunis. Operasi ini juga dilakukan untuk memastikan bahawa komunis tidak lagi melakukan kegiatan mereka di dalam negara selepas perletakan senjata pada tahun 1989.

Selain itu, Haji Rosslee juga bertanggungjawab menentukan bahawa kawasan itu tidak dicerobohi oleh pendatang negara asing. Contohnya,

tentera daripada negara Russia Soviet Union yang datang menggunakan kapal-kapal selam yang timbul di sekitar pulau tersebut.

Ops Pasung ini adalah untuk menentukan bahawa tempat yang masyarakat duduki adalah kawasan sempadan negara dan hal ini ditentukan oleh undang-undang *Law of the Sea*. Haji Rosslee juga menyatakan bahawa Ops Pasung adalah antara operasi yang paling mencabar bagi beliau. Hal ini adalah disebabkan keadaan cuaca yang tidak menentu dan keadaan berada di tengah lautan. Di samping itu, bantuan yang diberikan oleh pihak kerajaan selalunya tidak sampai tepat pada waktunya kerana keadaan ombak laut yang bergelora.

Pengalaman Pahit dan Manis Dalam Menentang Komunis

Haji Rosslee berdepan dengan pelbagai pengalaman pahit dan manis sepanjang terlibat dalam kegiatan menentang komunis di Ops Pasung. Kejadian ini berlaku ketika beliau dibawa keluar daripada pulau itu untuk balik ke Pulau Labuan di negeri Sabah. Ia berlaku pada tahun 1986. Ketika perjalanan tersebut, helikopter yang membawa beliau hampir terhempas ke dalam laut kerana enjinnya tiba-tiba tidak berfungsi di udara. Tetapi, beliau terselamat kerana tiba-tiba enjin helikopter itu berfungsi dan beliau dapat terbang balik ke Labuan. Selain itu, beliau juga terpaksa berdepan dengan masalah lain apabila salah seorang anggotanya sakit dan hampir meninggal dunia akibat terkena jangkitan daripada tikus yang mana pada masa sekarang ia dipanggil kencing tikus. Jangkitan itu berlaku disebabkan oleh stok makanan yang terlalu banyak ketika mereka beroperasi selama sebulan di pulau tersebut sehinggakan ia telah dicemari oleh tikus. Pada masa yang sama, ia juga berlaku disebabkan bantuan helikopter yang lambat tiba untuk mengambil rakan beliau keluar daripada tempat tersebut.

Sementara itu, beliau juga merasai pengalaman manis ketika terlibat dalam penentangan komunis iaitu semasa Ops Pasung dijalankan. Ketika beliau terlibat dalam operasi ini, beliau dapat merasai pengalaman tinggal di Kepulauan Spratly. Kepulauan Spratly adalah kepulauan kecil buatan manusia yang hanya terdapat pemandangan laut dan pasir. Walaupun begitu, beliau seronok berada dalam suasana yang lain daripada yang lain. Beliau juga dapat merasai pengalaman baru dalam mengendalikan kehidupan

orang-orang pedalaman negeri Sarawak. Contohnya, beliau pernah berada di rumah panjang dan melihat bagaimana orang-orang Sarawak mengendalikan kehidupan mereka pada masa tersebut.

Kesimpulan

Kesimpulannya, ancaman pihak komunis telah mendatangkan banyak kesan negatif kepada masyarakat dan juga negara. Namun, keberanian yang ditunjukkan oleh tentera seperti Haji Rosslee telah menyelamatkan negara daripada dicerobohi oleh pihak komunis. Ops-ops yang dijalankan oleh kerajaan melalui pasukan tentera sedikit sebanyak telah mengekang pergerakan komunis di Tanah Melayu dan seterusnya mematikan usaha-usaha mereka untuk menguasai negara dan menyebarkan ideologi-ideologi mereka kepada masyarakat.

Bibliografi

- Bernama. (27 Ogos 2014). *Lima kali terlepas perangkap komunis*. Berita Harian Online. Diakses pada 20 Oktober 2016 di <http://www.bharian.com.my/node/3008>
- Kosmo Online. (2016, Okt 27). *Komunis serah diri selepas rundingan*. Kosmo Online. Diakses pada 22 Oktober 2016 di http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2014&dt=0916&pub=Kosmo&sec=Rencana_Utama&pg=ru_01.htm
- Maktab Angkatan Tentera. *Sejarah Maktab Tentera Diraja*. Diakses pada 22 Oktober 2016 di http://www.rmc.edu.my/index.php?option=com_content&view=article&id=59&Itemid=55
- Portal Rasmi Arkib Negara Malaysia. *Darurat Ankara Komunis*. Diakses pada 22 Oktober 2016 di <http://www.arkib.gov.my/web/guest/darurat-ankara-komunis>
- Portal Rasmi Kementerian Pertahanan Malaysia. *Sejarah*. Diakses pada 22 Oktober 2016 di <http://www.mod.gov.my/ms/mengenai-kami/latarbelakang/latarbelakang-kementerian-pertahanan.html>
- Portal Rasmi Markas Angkatan Tentera Malaysia. *Sejarah ATM*. Diakses pada 22 Oktober 2016 di <http://www.mafhq.mil.my/index.php/my/mengenai-kami/sejarah-atm>
- Portal Rasmi Tentera Darat Malaysia. *Sejarah Tentera Darat*. Diakses pada 22 Oktober 2016 di <http://army.mod.gov.my/index.php/bm/mengenai-kami/sejarah>
- Utusan Online. (2013, Okt 5). *PKM berkiblat kepada parti komunis cina*. Utusan Online. Diakses pada 22 Oktober 2016 di

http://ww1.utusan.com.my/utusan/Rencana/20131005/re_06/PKM-berkiblat-kepada-Parti-Komunis-China

Utusan Online. (2013, September 29). *Chin Peng hina orang melayu*. Utusan Online. Diakses pada 22 Oktober 2016 di http://ww1.utusan.com.my/utusan/Laporan_Khas/20130929/lk_03/Chin-Peng-hina-orang-Melayu

Utusan Online. (2016, Oktober 3). *"Negara Komunis" Paling Berjaya?*. Diakses pada 22 Oktober 2016 di <http://www.utusan.com.my/rencana/negara-komunis-paling-berjaya-1.69423>